

## **BAB 2**

# **LATAR BELAKANG DAN PENGASASAN SINGAPURA**

### **Pengenalan**

Matlamat keselamatan sesebuah negara ialah mengekalkan kedaulatan agar sentiasa berada dalam keadaan aman tanpa sebarang ancaman dari pihak luar. Polisi-polisi yang diperkenalkan, bertujuan mengemaskinikan perkembangan negara selaras dengan perubahan masa. Setiap perubahan terhadap dasar luar mencerminkan usaha ke arah pencapaian ini. Perubahan ini selaras dengan pelbagai peristiwa yang berlaku dalam persekitaran antarabangsa, khususnya dalam konteks perkembangan teknologi maklumat.

Ledakan informasi serta proses perubahan ini memerlukan individu-individu yang dapat memberi sumbangan yang tinggi bagi menggerakkan sesuatu dasar. Walau bagaimanapun, perubahan ini harus berteraskan kepada sejarah serta prinsip-prinsip keserantauan sebagai asas panduan. Ini kerana masyarakat yang mendokong falsafah negara tersebut, haruslah memahami segenap aspek agar sama-sama dapat membantu kelangsungan dan perkembangnya. Beberapa memorendum persefahaman yang telah dicapai bersama antara

dua pihak bertujuan untuk mencapai dan mengekalkan kemakmuran negara<sup>1</sup>. Oleh itu, sesuatu perubahan yang cuba dibawa oleh sesebuah negara itu bergantung kepada ukuran nilai satu-satu masyarakat. Wilbert E. Moore dalam bukunya *Social Change*<sup>2</sup> menyatakan bahawa unsur-unsur perancangan perlu ada dalam sesuatu perubahan itu. Sebarang perubahan tidak berlaku secara sendirian sahaja, malah dirancang terlebih dahulu. Dalam hal ini, sesuatu perubahan sosial harus selaras dengan perubahan sains dan teknologi. Ini boleh mendorong ke arah kehidupan yang lebih terjamin<sup>3</sup>.

Dalam sebuah negara yang terbatas dari segi geografi, Singapura tidak mempunyai pilihan yang banyak melainkan terpaksa bergantung kepada hubungan antarabangsa untuk memastikan kelangsungan dan keselamatannya. Pada tahun 1964, Lee Kuan Yew pernah menyatakan bahawa; *“External affairs are a matter of life and death”*<sup>4</sup>. Dalam hal ini, beliau membuat tanggapan bahawa; *“Half the problem of international survival is to win friends who understand and sympathize with us”*<sup>5</sup>. Ini disokong pula dengan kenyataan oleh Menteri Luar Singapura, iaitu S. Rajaratnam yang menyatakan bahawa;

*“In the crisis ridden world of the seventies; our peace, security and prosperity can be secured only by wise and realistic external and domestic policies. There can in future be no division between external and domestic policies. They must be merely two sides of what can be broadly termed national policy. Or if you like, our foreign policy will be domestic policy pursued by other means”*<sup>6</sup>.

Ini selaras dengan kenyataan Joseph Frankel yang menyatakan bahawa faktor mempertahankan keselamatan, memperjuangkan nilai-nilai negara serta mencapai nilai yang lebih umum, merupakan kepentingan asas sesebuah negara<sup>7</sup>. Oleh itu, sesuatu keputusan terhadap dasar luar dianggap sebagai faktor yang akan menentukan apa, bagaimana dan siapa yang mempengaruhi dasar luar sesebuah negara tersebut. Justeru itu, dalam jangkamasa yang singkat selepas kemerdekaan, faktor keselamatan menjadi agenda utama yang ditekankan oleh Singapura. Ini selaras dengan konsep *survival of the small state*. Konsep ini telah banyak diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji hubungan antarabangsa yang menekankan bahawa faktor keselamatan adalah aset yang utama dalam menentukan kedaulatan sesebuah negara<sup>8</sup>.

### **Pemisahan Singapura Daripada Malaysia**

Dalam konteks sejarah, pemisahan Singapura daripada Malaysia telah mendapat pelbagai reaksi positif dan negatif daripada kedua-dua belah pihak. Ucapan Lee Kuan Yew tiga jam selepas Singapura berpisah dengan Malaysia jelas memperlihatkan suatu harapan yang tinggi pada masa hadapan. Beliau menyatakan bahawa;

*“Kita (rakyat Singapore) akan mendirikan sebuah negara majmuk di Singapura. Ia bukan sebuah negara Melayu, bukan sebuah negara China dan ia bukan sebuah negara India. Semua rakyat akan hidup dengan aman di Singapura dan kita akan bersatu tanpa perbezaan kaum, bangsa, agama dan kebudayaan”<sup>9</sup>.*

Kenyataan beliau ini memperlihatkan suatu usaha untuk mengurang dan menghapuskan ketegangan kaum yang mungkin boleh wujud dalam masyarakat Singapura. Lebih-lebih lagi komuniti yang wujud dalam masyarakat itu adalah berbilang kaum dengan pelbagai kebudayaan, agama serta pegangan ideologi masing-masing. Ini kerana Singapura juga mewarisi sebahagian daripada pergolakan politik dan pertelingkahan kaum yang pernah wujud terdahulu. Peristiwa *Maria Hertogh*<sup>10</sup> jelas memperlihatkan bahawa fenomena ini jika tidak dibendung pada peringkat awal, akan menyebabkan beberapa perkara yang tidak dingini dalam masyarakat. Satu rusuhan besar telah berlaku di Singapura ekoran keputusan pihak British untuk menyerahkan kembali Maria Hertogh kepada ibu kandungnya. Peristiwa ini telah dianggap sebagai isu agama, khususnya pencabulan agama Islam oleh pentadbir British.

Pemisahan Singapura dari Malaysia dianggap sebagai, "*Malaysia without Singapore is like a body without stomach*"<sup>11</sup>. Ini kerana Singapura yang terkenal sebagai pusat tumpuan perdagangan, merupakan satu aset yang tidak ternilai harganya untuk Malaysia. Secara dasarnya sebahagian daripada sumber ekonomi Malaysia hasil daripada peristiwa pemisahan ini akan terjejas. Malaysia terpaksa mencari alternatif baru bagi membina pusat pelabuhan dan persinggahan kapal-kapal perdagangan untuk berlabuh dan berdagang di negara ini. Justeru itu, Malaysia terpaksa memulakannya kembali untuk membina pusat perkapalannya sendiri dengan ciri-ciri yang setanding dengan apa yang dapat disediakan di pelabuhan Singapura.



Singapura hanya bertahan dengan Malaysia selama 23 bulan sahaja, iaitu sehingga 9 haribulan Ogos 1965. S. Rajaratnam menyatakan bahawa hubungan Singapura dengan Malaysia bukan suatu hubungan antara dasar luar Singapura dengan dasar luar sebuah negara asing, malah ia mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Ini disebabkan oleh ikatan persamaan yang kuat hasil daripada tradisi sejarah yang pernah dilalui bersama. Keunikkan hubungan ini melibatkan faktor keselamatan dan pertahanan negara. Hubungan Singapura-Malaysia ini bukan sahaja melibatkan hubungan keselamatan semata-mata, malah aspek sosial dan ekonomi juga ditingkatkan melalui kerjasama secara dua hala. Ini jelas dengan kenyataan beliau bahawa;

*"The most important aspect of our foreign policy is our relation with Malaysia. There is something unreal - about lumping our relations with Malaysia under foreign relations. Constitutional forms are one thing and the hard facts of history, geography, economics and demography are another... So we cannot talk of a foreign policy towards Malaysia in the same sense as we would in regard to another countries. It must be a foreign policy based on the realization that the survival and well-being of Malaysia is essential to Singapore's survival. Conversely, the survival and well-being of Singapore is essential to Malaysia survival..."<sup>12</sup>.*

Pada prinsipnya apa sahaja yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan Malaysia, maka ia juga cenderung untuk mengundang bahaya kepada Singapura. Walaupun begitu, Malaysia merupakan negara pertama yang mengiktiraf kedaulatan Singapura.

Oleh itu, kerajaan Singapura telah melantik Encik Ko Teck Kin sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia pada 17 Ogos 1965, manakala pada 25 Ogos 1965, kerajaan Malaysia telah melantik Dato' Jamal Abdul Latiff sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Singapura<sup>13</sup>. Manakala Britain, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat adalah antara negara-negara awal yang mengiktiraf Singapura<sup>14</sup>.

Pada peringkat awal kemerdekaan, Singapura tidak mempunyai sebarang pejabat-pejabat kedutaan di luar negeri untuk mengendalikan sebarang urusan diplomatik antara negara-negara yang berbeza. Dalam hal ini, segala bentuk hubungan diplomatik yang ingin dilakukan menyebabkan kerajaan Singapura terpaksa menggunakan pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negeri buat sementara waktu. Tugas ini dilakukan sehinggalah pusat-pusat pejabat kedutaan Singapura siap didirikan dan segala urusan adalah di bawah kendaliannya sendiri. Sekiranya kerajaan Singapura mempunyai masalah dengan negara-negara yang belum menjalinkan hubungan diplomatik dengan Singapura, maka kedutaan Malaysia adalah yang menjadi tempat pertama untuk mendapatkan sebarang bantuan. Sebagai sebuah tanah jajahan British, Singapura tidak boleh membuat sebarang hubungan luar tanpa mendapat keizinan daripada kerajaan British terlebih dahulu. Sebarang urusan dasar luar Singapura sehingga tahun 1963 adalah di bawah kawalan pihak British. Kemasukan Singapura ke dalam Malaysia pada 16 September 1963, telah menyebabkan kerajaan pusat pimpinan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur telah mengambil alih tugas tersebut daripada pihak British. Mengikut perjanjian yang dilakukan, segala bentuk masalah pertahanan dan

hubungan luar Singapura adalah di bawah tanggungjawab kerajaan pusat Malaysia<sup>15</sup>.

Sejurus selepas kemerdekaan dicapai, pada 3 haribulan September 1965, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Singapura, S.Rajaratnam memohon menjadi ahli PBB pada 22 September 1965. Singapura telah diterima sebagai ahli PBB ke 116 dan menjadi ahli ke 22 dalam Negara-Negara Komanwel<sup>16</sup>. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan Singapura ingin bersama membentuk kesepaduan di kalangan seluruh penduduk di dunia, sama ada yang berjiran atau dengan negara-negara luar. Ini akan meningkatkan kedudukan dan pengaruh Singapura sebagai sebuah negara yang berdaulat di dunia. Dalam hal ini, Singapura tidak mahu terlalu lama dibayangi oleh Malaysia dalam menentukan hala cara dasar luarnya. Beberapa usaha dilakukan untuk mewujudkan pusat-pusat kedutaan dan pesuruhjaya tinggi di luar negeri tanpa mengira ideologi negara masing-masing. Apa yang lebih diutamakan ialah keuntungan bersama dengan kedua-dua buah negara yang berurusan.

Dalam membicarakan tentang dasar luar Singapura, terdapat beberapa perkara yang menentukan peranan Singapura dalam arena politik antarabangsa. Dalam hal ini, faktor dalaman dan luaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan kedudukan serta keputusan yang ingin dilakukan oleh pihak pentadbir. Faktor lokasi, demografi, ekonomi dan politik memainkan peranan penting. Ini kerana ia berkait rapat dengan sifat negara itu. Segala perubahan yang berlaku dalam dunia antarabangsa akan menjadi asas bagi mengemaskinikan dasar luarnya.

### *Kedudukan Strategik*

Kedudukan Singapura dianggap strategik kerana lokasinya yang berada di lautan Pasifik, iaitu di penghujung perairan Selat Melaka. Kedudukannya yang cukup strategik ini membolehkannya mengekalkan sifat sebagai pusat tumpuan kapal-kapal yang melalui perairan ini. Singapura diapit oleh dua buah negara jiran, iaitu Malaysia di utara dan Indonesia di sebelah selatan. Dengan sifatnya ini menyebabkan ia terpaksa berhati-hati dalam melaksanakan dasar luarnya. Ini kerana masalah hak lalulintas perairan kepada kapal-kapal yang menggunakan laluan ini, telah menjadi isu yang hangat diperkatakan<sup>17</sup>. Dengan lokasi yang strategik ini membolehkannya mewujudkan pusat pengkalan ketenteraan, sama ada pusat membaik pulih atau pusat operasi ketenteraan yang terbesar di rantau ini. Ini kerana Singapura yang lebih terkenal sebagai pusat perdagangan bebas berbanding dengan Malaysia atau Indonesia, akan berusaha dengan apa cara sekalipun untuk memastikan keselamatannya terjamin. Apa yang nyata ialah Singapura mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang terbaik dengan kedudukan dan kedalaman perairan yang semulajadi membolehkan semua ini menjadi kenyataan.

Pergolakan politik yang berlaku di rantau ini seperti kehadiran Amerika Syarikat di Vietnam Selatan, peristiwa konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia serta penemuan dan usaha mencarigali minyak di dasar laut di rantau ini, menyebabkan peranan Singapura semakin berkembang pesat. Dengan harapan untuk menjadi sebagai pusat kewangan antarabangsa di rantau ini, Singapura berusaha dengan

apa cara sekalipun untuk memastikan cita-cita ini tercapai. Lebih-lebih lagi Singapura mempunyai pakar-pakar yang sedia memberi bantuan mereka bagi memajukan Singapura dan membantu mengemblengkan segala sumber yang ada di Singapura.

Walaupun kedudukannya yang strategik, namun saiznya boleh dianggap sebagai satu faktor negatif. Ini kerana sewaktu kemerdekaan, Singapura hanya mempunyai lebih kurang dua juta orang penduduk sahaja. Masalah kekurangan penduduk yang terhad menyebabkan Singapura terpaksa memaksimumkan tenaga yang ada agar sama-sama mendapat keuntungan. Kekurangan bahan mentah, seperti hasil-hasil pertanian, sumber air yang bersih dan sebagainya menyebabkan mereka memerlukan Malaysia sebagai sumber utama negara. Dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap dan pertambahan penduduk, maka sumber pertanian Singapura bergantung sepenuhnya dengan negara-negara lain.

### *Faktor Demografi*

Demografi atau faktor penduduk yang kecil di Singapura ini dikatakan sebagai satu-satunya *bahan mentah* yang terdapat di Singapura. Ini menjadi perkara utama untuk membina sebuah sistem pertahanan negara yang benar-benar mantap dalam segenap aspek. Singapura mempunyai sejumlah 2.7 juta penduduk dengan 76 peratus daripadanya adalah bangsa Cina, 14.9 peratus adalah Melayu, 6.4 peratus adalah golongan India dan Pakistan, manakala 2.3 peratus lagi

adalah bangsa-bangsa lain<sup>18</sup>. Kadar pembahagian penduduk yang tidak seimbang ini telah menyebabkan pihak Singapura berusaha untuk mengelakkan prasangka Malaysia dan Indonesia bahawa Singapura bakal membentuk sebuah negara satelit kepada Republik Rakyat China atas slogan *The third China*. Dalam beberapa dekad ini, kadar peratusan penduduk tidak memperlihatkan perubahan yang nyata tentang pembahagian kaum di Singapura. Kaum Cina masih menguasai sebahagian besar daripada penduduk Singapura hari ini.

Penubuhan *Family Planning and Population Board* pada tahun 1965, bertujuan untuk mengurangkan kadar kepesatan pertumbuhan penduduk sahaja. Apa yang nyata ialah kadar pertumbuhan penduduk ini meningkat sebanyak 1.5 peratus setiap tahun. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Singapura telah menekankan dasar pelbagai ethnik. Masyarakat telah digalakkan untuk memilih pasangan bukan di kalangan bangsa sendiri sahaja, malah harus meliputi seluruh bangsa yang berlainan di Singapura ini<sup>19</sup>. Kadar pengagihan yang tidak seimbang ini juga menyebabkan golongan Cina memonopoli faktor sosio-ekonomi di Singapura. Lebih-lebih lagi, People's Action Party atau PAP ini disokong oleh kelas pertengahan yang terdiri daripada golongan ahli-ahli perniagaan ini. PAP seharusnya mengawal perkembangan ekonomi negara kerana kuasa ekonomi adalah terletak kepada golongan ini<sup>20</sup>.

### *Faktor Ekonomi*

Pemisahan Singapura dengan Malaysia tidak menjejaskan sistem ekonomi Singapura. Walaupun begitu, ekonomi Singapura ini masih lagi bergantung kepada Malaysia dan lain-lain negara di rantau Asia Tenggara. Pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh di Singapura hasil daripada perancangan rapi, menyebabkan permintaan terhadap buruh, bertambah. Ini mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak serta memerlukan tenaga mahir dan profesional yang terlatih. Dalam hal ini, persaingan untuk mendapatkan tenaga buruh wujud di kalangan pelabur-pelabur asing yang memerlukan tenaga manusia ini. Kerajaan Singapura menggalakkan pelabur-pelabur asing datang melabur di sini. Sesiapa yang berminat untuk berdagang dengan Singapura, mereka amat dialu-alukan. Ini dapat mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelabur-pelabur untuk memastikan hasil pengeluaran benar-benar mencapai tahap yang diinginkan oleh pasaran. Oleh itu, dalam satu persidangan akhbar Lee Kuan Yew ada menyatakan bahawa;

*"I think that we ought to trade with every country in the world that is prepared to leave us alone to be ourselves. There should be no question of subversion. We dont want to be anti-communist. Nor have we any intention to allow communist to bring us down. This is a democratic state. In other words, it is non-communist and follows democratic procedure. That having been said, like Britain, which can trade with the world, including Russia, China and Indonesia, if the latter wants to trade with us"<sup>21</sup>.*

Singapura amat mementingkan urusan perdagangan, khususnya hubungan dengan blok Timur atas dasar kepentingan bersama

A509137875

dalam ekonomi. Lee Kuan Yew menyatakan bahawa mereka bukan anti-komunis dan yang diutamakan ialah hubungan perdagangan dan bukan ideologi. Selepas kemerdekaan, S. Rajaratnam dan Dr. Toh Chin Chye telah berlepas ke Afrika dan negara-negara Eropah untuk mencari pasaran baru. Ini dianggap sebagai alternatif ke atas kerjasama dalam bidang politik<sup>22</sup>.

### *Faktor Politik*

Dari segi politik, Singapura telah ditadbir oleh *People's Action Party* atau PAP sejak ia mula mendapat mandat pada tahun 1959 lagi. Pilihanraya telah diadakan setiap empat tahun sekali dan sehingga tahun 1980, PAP telah berjaya memenangi antara 70 hingga 77 peratus daripada keseluruhan undi. Antara tahun 1968 hingga 1981, PAP merupakan parti tunggal di parlimen. Pada hari ini ia menguasai hampir 80 daripada 81 kerusi parlimen. Ini mencerminkan sokongan yang diberikan oleh masyarakat terhadap pimpinan tersebut. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa kebajikan masyarakat telah dijaga dengan baik dan diberi tumpuan utama oleh pentadbiran kerajaan Singapura<sup>23</sup>.

Matlamat utama PAP ialah untuk memaksimumkan kebajikan penduduk melalui perubahan ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Ini bergantung penuh kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh golongan terpilih yang dilantik oleh Lee kuan Yew untuk melaksanakan suatu rangka kerja yang dicadangkan masyarakat melalui dasar yang terpilih. Ini bertujuan untuk memperkembangkan prospek



ekonomi dan memastikan akan kewujudan sesebuah negara-bangsa yang bersatu tanpa mementingkan dari mana asal usul mereka.

### **Objektif dan Pelaksanaan**

Umumnya, objektif dasar luar Singapura melibatkan tiga perkara. Pertama memastikan keselamatan dan kedaulatan negara serta dalam jangkamasa yang sama mewujudkan perkembangan industri bagi pembangunan ekonomi negara. Kedua, menggalakkan kuasa-kuasa serantau yang lain, khususnya kuasa-kuasa besar untuk mengadakan hubungan politik dan ekonomi bagi memastikan kestabilan Singapura serta Asia Tenggara amnya. Ketiga, meningkatkan aset Singapura serta menawarkan segala keperluan yang ada untuk mendapat keuntungan bersama serta mengadakan hubungan dua hala dengan lebih rapat di kalangan negara-negara yang berjiran<sup>24</sup>.

Sebagai sebuah negara yang baru mendapat kedaulatan, pelaksanaan sesuatu dasar luar, seringkali berlaku setelah sesuatu keputusan itu dibincangan bersama dalam mesyuarat kabinet atau di parlimen. Namun begitu, terdapat juga sesuatu keputusan dilakukan oleh individu-individu yang tertentu. Keputusan sesuatu dasar luar ini seringkali dibuat oleh pemimpin tertinggi negara sahaja. Hal ini disebabkan oleh beberapa kerumitan yang wujud dalam hubungan luar seperti perbezaan ideologi, kepentingan negara dan sebagainya pada peringkat awalnya. Oleh itu, hanya terdapat segelintir pemimpin negara yang benar-benar mampu menjalankan tugas dengan berkesan

dan memainkan peranan yang aktif dalam membuat sesuatu keputusan<sup>25</sup>.

Sesuatu keputusan yang diambil terhadap dasar luar, seringkali dianggap sebagai terlalu sulit dan sensitif. Lebih-lebih lagi isu yang melibatkan pertahanan dan keselamatan negara. Ini kerana, keputusan sesuatu dasar luar tersebut haruslah melibatkan kepakaran dan kebolehan segelintir orang yang amat dipercayai untuk menjalankan tugas<sup>26</sup>. Justeru itu, seringkali sesuatu keputusan itu terus datangnya dari pejabat Perdana Menteri sendiri sahaja, walupun sebelum ini beberapa perbincangan telah dilakukan di peringkat kabinet. Ini dapat dilihat dari kenyataan Y.C. Lim bahawa;

*"The Prime Minister and his colleagues decide on basic policies, though usually after consultation with relevant groups... the decision-making remains very much top down"*<sup>27</sup>.

Perkara ini dapat dilihat dalam konteks persoalan mengenai *kepimpinan* dan *elit*. Gaetano Mosca dan Vilfredo Pareto telah banyak memperkatakan mengenai perkara ini. G. Mosca, dalam bukunya *The Ruling Class*<sup>28</sup> menyatakan bahawa golongan elit atau golongan pemerintah akan memiliki apa sahaja ciri-ciri yang terbaik, seperti kedudukan atau status, organisasi yang lebih tersusun dan sebagainya berbanding dengan golongan *massa*, iaitu golongan yang diperintah dan tidak tersusun organisasinya. Apa yang nyata ialah perbezaan kuasa yang lebih tinggi daripada yang dimiliki oleh sesuatu kelompok minoriti. Dalam konteks hubungannya dengan kelompok

majoriti ini, golongan pemerintah akan menjadi penentu atas segala keputusan yang hendak dibuat. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa penentu bagi sesuatu keputusan itu datangnya daripada Pejabat Perdana Menteri sendiri dan bermatlamat untuk memaksimumkan kuasa yang ada padanya<sup>29</sup>.

### **Peringkat Awal Dasar Luar Singapura**

Pada peringkat awal kemerdekaan, Singapura berada pada kedudukan yang amat kekurangan sama ada daripada aspek politik, ekonomi, dan aspek keselamatan. Matlamat utama Singapura ialah untuk bersikap berkecuali<sup>30</sup> dan memperkenalkan dirinya di kalangan negara-negara berkecuali serta menyokong penubuhan Afro-Asia<sup>31</sup>. Ini melibatkan dasar tidak memihak dan menentang sebarang bentuk penjajahan fizikal dan penjajahan ideologi di kalangan negara-negara di Afrika dan di Asia<sup>32</sup>. Oleh itu, Lee Kuan Yew telah mengumumkan dasar luar yang tidak memihak dan menawarkan untuk berkerjasama dengan semua negara<sup>33</sup>. Asas berkecuali dengan konsep tidak memihak ini, lebih melibatkan kedudukan dan kepentingan Singapura. Konsep tidak memihak ini dengan istilah yang diberikan oleh pihak pimpinan Singapura, ialah *positive neutralism*<sup>34</sup>. Ini merujuk kepada usaha Singapura untuk tidak melibatkan diri dalam sebarang pertandingan atau pertelingkahan dengan kuasa-kuasa blok yang utama. Namun begitu, apabila melibatkan masalah keselamatan dan kedaulatan Singapura termasuk Malaysia akan terganggu, maka sifat berkecuali tidak akan digunakan. Ini kerana konsep yang dipegang itu hanya

akan dipatuhi selagi ia tidak mengancam keselamatan dan kedaulatan Singapura<sup>35</sup>.

Keadaan ini dapat dilihat dari sudut keselamatan. Pada peringkat awalnya, Singapura hanya mempunyai dua batalion infantri dengan 50 orang pegawai dan 1000 orang anggota. Lebih-lebih lagi sebahagian besar daripada anggota ini adalah daripada warganegara Malaysia sendiri. Faktor ini meragukan pucuk pimpinan kerajaan Singapura tentang sejauhmanakah kesetiaan mereka terhadap negara Singapura. Pasukan tentera lautnya ketika itu hanya mempunyai dua buah kapal dan tidak mempunyai pasukan tentera udara. Dalam hal ini, Singapura dikatakan tidak mampu untuk mempertahankan kedaulatannya sendiri jika berlaku sebarang ancaman atau konflik dari luar<sup>36</sup>. Oleh itu, Lee Kuan Yew ingin mempertingkatkan keselamatan negara terlebih dahulu berbanding dengan kepentingan-kepentingan lain. Sebagai sebuah negara kecil yang mempunyai banyak kepentingan, khususnya perdagangan, kekuatan keselamatan harus diutamakan pada peringkat awal. Ini dapat dilihat dengan usaha-usaha yang dijalankan pada peringkat awal. Kecenderungan kepada pembentukan sebuah *nation*<sup>37</sup> yang mantap dalam segenap aspek, sama ada dalam kesetiaan kepada negara dan kekuatan ketenteraan agar boleh digeruni oleh negara luar berbanding dengan pembentukan sebuah negara industri. Lee Kuan Yew dalam satu ucapannya pada bulan Oktober 1966, menyatakan bahawa;

*“When you talk about foreign policy, and unless you are a big power, an intercontinental power - you are really talking about your neighbour. Your neighbour are not*

*your best friend, wherever you are. Furthermore, ...a foreign policy for Singapore must be one as to encourage first, the major powers in the world to find it - if not in their interest to help us - at least in their interest not to have us go worse. This is important*<sup>38</sup>.

Lee Kuan Yew bersedia membuka pintu kepada kuasa-kuasa besar untuk mempertahankan negaranya sekiranya berlaku konflik yang boleh mengancam kedaulatan negaranya. Kehadiran kuasa-kuasa besar ini, khususnya kekuatan ketenteraan diharap dapat membantu Singapura untuk membangunkan negaranya. Oleh itu, segala pertelingkahan yang melibatkan di luar Singapura seboleh-bolehnya hendaklah dielakkan daripada terjerumus dalam pertelingkahan yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara Singapura. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, pihak pemerintah Singapura merasa takut akan serangan mengejut oleh pihak lawan untuk menakluk Singapura akibat daripada kelemahan sistem pertahanannya.

Ini disokong pula dengan majoriti penduduk Singapura yang terdiri daripada keturunan Cina menyebabkan mereka merasa gusar akan konflik perkauman yang mungkin wujud dengan negara-negara jiran. Kerajaan Singapura tidak akan menjalinkan sebarang hubungan dengan Republik Rakyat China selagi negara-negara jirannya tidak berbuat demikian. Ini menggambarkan betapa kejiranan lebih diutamakan para peringkat awal kemerdekaan Singapura. Sebarang peristiwa yang boleh menyebabkan kemarahan negara jiran akan menyebabkan Singapura terancam tanpa sistem pertahanan yang mantap<sup>39</sup>.

## **Pengunduran Tentera British**

Ketika ini juga menyaksikan bahawa British menyatakan hasratnya untuk mengkaji semula peranan ketenteraannya di timur Suez. Britain mengumumkan bahawa ia akan melepaskan segala tanggungjawab keselamatan di Singapura dan Malaysia selewat-lewatnya pada akhir tahun 1971. Begitu juga dengan *Doktrin Guam*<sup>40</sup> yang diumumkan oleh Presiden Nixon, mengakibatkan peranan Amerika semakin berkurangan bagi membendung perluasan kuasa komunis di rantau ini. Cadangan ini akan menyebabkan wujudnya kekosongan yang amat ketara terhadap pertahanan di rantau ini. Walaupun Singapura mempunyai hubungan yang amat baik dengan British dan negara-negara Komenwell seperti Malaysia, Australia dan New Zealand, namun ia lebih merujuk kepada keselamatan Singapura daripada perkara lain. Ini selaras dengan dasar Singapura yang tidak ingin melibatkan diri dalam perang dingin yang berlaku antara negara-negara Barat dengan blok Komunis. Lebih-lebih lagi, Singapura tidak memainkan sebarang peranan terhadap konflik yang berlaku di Vietnam, kecuali sebagai pusat penyinggahan kapal-kapal yang berlabuh untuk mengisi minyak bagi perjalanan ke selatan Vietnam. Ini disebabkan sikap tidak memihak dalam dasar luar Singapura yang telah dinyatakan oleh Lee Kuan Yew. Namun begitu, sikap ini tidak sepenuhnya mutlak akibat daripada kekosongan peninggalan pengkalan tentera British di Singapura. Ini kerana menurut Lee Kuan Yew;

*“Our survival demands that no bigger or more powerful neighbour can just harass, or worse, invade and conquer us. And if anybody can find an alternative to the British base to guarantee Singapore’s physical survival and economic survival, then I say ‘I’ll listen’<sup>41</sup>.*

Sekiranya penutupan pengkalan tentera British di Singapura ini mempunyai pengganti yang dapat menjamin keselamatan Singapura, maka pihak pentadbiran akan bersedia berunding dengan kuasa luar. Penutupan pengkalan tentera British di Singapura sesuai dengan keputusan yang dibuat oleh pihak Amerika Syarikat di rantau ini. Dalam doktrin ini, Amerika tidak ingin melibatkan diri lagi dalam sebarang pergolakan di Asia Tenggara, khususnya di Vietnam semasa pentadbiran Richard Nixon.

### **Hubungan Singapura - Indonesia**

Selepas kemerdekaan Singapura, kerajaan Indonesia bersedia untuk memberi pengiktirafan kepada Singapura<sup>42</sup>. Kerajaan Indonesia memberi tiga sebab sebagai cadangan untuk mengiktiraf Singapura sebagai sebuah negara yang berdaulat. Pertama, pengiktirafan ini membolehkan Indonesia menolong Singapura menjalankan kemahuannya untuk terus merdeka. Kedua, membenarkan pemulihan hubungan ekonomi kedua-dua negara demi keuntungan bersama dan ketiga ialah memecahkan neo-kolonialisme yang mengepung Kuala Lumpur.

Pada 10 April 1966, Dr. Adam Malik, Menteri Hal Ehwal Luar Indonesia mengumumkan bahawa beliau diarahkan oleh Presiden Soekarno untuk mempercepatkan pengiktirafan Singapura<sup>43</sup>. Walaupun begitu, Singapura hanya akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Indonesia jika Indonesia mengadakan hubungan

diplomatik dengan Malaysia terlebih dahulu<sup>44</sup>. Ini sesuai dengan sikap Singapura yang tidak ingin bermusuhan dengan kerajaan Malaysia dan menghargai Malaysia sebagai jiran yang perlu dihormati prinsip serta keputusannya. Oleh itu, segala perkara yang melibatkan hubungan dua hala antara Malaysia-Indonesia, maka Singapura mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum membuat sebarang keputusan.

### **Hubungan Singapura - Republik Rakyat China**

Sebarang bentuk hubungan diplomatik yang ingin dijalankan dengan Republik Rakyat China merupakan suatu keputusan yang harus dikaji dari segenap aspek oleh Singapura. Ia bukan sahaja suatu bentuk hubungan yang melibatkan kepentingan ekonomi agar dapat mewujudkan pasaran bersama dalam perdagangan, malah juga merujuk kepada hubungan politik dan sosial. Ini kerana sebahagian daripada masyarakat Singapura masih mempunyai hubungan saudara dengan penduduk di Republik Rakyat China, malah ada yang secara langsung memberi bantuan kewangan kepada perjuangan politik di Republik Rakyat China<sup>45</sup>. Oleh itu, sebarang bentuk hubungan yang ingin dijalankan secara rasmi antara kerajaan Singapura dengan Republik Rakyat China melibatkan beberapa perkara, khususnya masalah kejiranan di kepulauan Melayu ini.

Lee Kuan Yew menyatakan bahawa hubungan ini sebagai "*A no hurry policy*". Oleh itu, Singapura mengamalkan sikap tunggu dan lihat terhadap kedua-dua jiran mereka. Ini selaras dengan



kenyataan beliau bahawa, *“Singapore would allow its neighbours to go ahead first in the matter of diplomatic relations with the People Republic of China”*<sup>46</sup>. Sebarang pengiktirafan atau hubungan secara rasmi yang dilakukan oleh Malaysia atau Indonesia terhadap Republik Rakyat China akan membolehkan Singapura pula menjalinkan hubungannya. Hubungan ini berdasarkan kepada beberapa kepentingan yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak. Ia bukan suatu bentuk hubungan yang melibatkan hubungan ras atau keturunan, malah diharap dapat membentuk hubungan berdasarkan kepada kepentingan yang diperlukan oleh kedua-dua buah negara asing. Oleh itu, pada bulan Ogos 1974, di perhimpunan hari kemerdekaan, Lee Kuan Yew menyatakan bahawa;

*“We have made our position clear. When our immediate neighbours, Malaysia, Indonesia have diplomatic relations, we will have diplomatic relations. Just like China, we calculate what is in our interest. And our interest is best served by not taking first or second place... If I go to India and I am seen shaking hands with President Giri or Mrs. Indira Gandhi, some Indians are happier. I have no doubts that if I were to take a picture with the leaders of the PRC, there will be a temporary euphoria amongst a section of the people. But is it in our interest? But, without that, we are able to establish that we govern Singapore in the interest of all Singaporeans regardless of race, language or religion”*<sup>47</sup>.

Walaupun kerajaan Singapura tidak mahu mengiktiraf Republik Rakyat China dan enggan menjalinkan hubungan diplomatik

antara dua negara, namun bentuk hubungan kebudayaan, sukan serta hubungan perniagaan telah dijalankan terlebih dahulu. Antaranya ialah undangan Peking kepada Singapura untuk mengambil bahagian dalam satu kejohanan ping-pong Afro-Asian, dan undangan ini telah diterima oleh Singapura pada tahun 1971. Pada bulan Mac 1975, S. Rajaratnam telah mengetuai satu delegasi sebanyak 16 orang rakyat Singapura ke China untuk menjalinkan hubungan perdagangan sahaja tanpa melibatkan hubungan diplomatik. Walaupun begitu, beliau tetap menegaskan bahawa pengiktirafan ke atas China akan dilakukan setelah Indonesia mengiktiraf China. Begitu juga pada bulan Mei 1976, Lee Kuan Yew sendiri telah membuat lawatan ke China selama dua minggu. Dalam lawatan ini, Lee telah menekankan akan perbezaan China dengan Singapura dan kebimbangan Lee Kuan Yew ialah sekiranya Singapura mengadakan hubungan dengan Republik Rakyat China, maka ini akan menyebabkan gerakan komunis di rantau ini bergerak dengan lebih menyeluruh<sup>48</sup>.

### **Pengaruh Kuasa-Kuasa Luar**

Sebagai sebuah negara kecil, Singapura tidak dapat lari daripada pengaruh kuasa-kuasa besar di rantau ini. Kepentingan Singapura sebagai sebuah pusat perdagangan dengan sistem jalan laut yang utama, menyebabkan banyak kuasa-kuasa besar telah tertarik untuk menguasai sistem jalan laut tersebut. Pihak Singapura tidak mempunyai pilihan yang banyak untuk membendung masalah ini melainkan dengan 'menjemput' kuasa-kuasa besar ini hadir di rantau

ini. Tindakan ini bertujuan untuk mengimbangi kuasa-kuasa asing atau memperkenalkan konsep *Balance of power* bagi memastikan kestabilan dan keamanan di rantau ini<sup>49</sup>. S. Rajaratnam dalam satu ucapan beliau di Bangkok yang menyatakan bahawa;

*"We accept the existence of great power and their rivalries as an immutable fact of international life. We do not subscribe to the prevailing belief that great powers are necessarily wicked, dangerous and immoral. They are no more these than are small nations. Since we cannot wish away great powers rivalries in the region, in Singapore's view, the next best thing for small nations is the presence of all great powers... when there is multiplicity of suns the gravitational pulls of each is not only weakened but also by a judicious use of pulls and counterpulls of gravitational the minor planets have greater freedom of navigation"*<sup>50</sup>.

Dasar buka pintu yang dilakukan oleh Singapura ini kepada kuasa-kuasa besar mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya, kehadiran kuasa-kuasa besar ini akan memastikan tidak ada satu kuasa pun yang boleh mendakwa pengaruh mereka di rantau ini. Ini untuk mengelakkan mereka menjadi terlalu dominan sehingga akan menggugat kepentingan utama Singapura. Lagipun, ini membolehkan Singapura menjalinkan konsep berkecuali dengan kuasa-kuasa besar tanpa mengira sebarang pegangan ideologi atau kepentingan mereka di rantau ini.

Kehadiran kuasa-kuasa besar ini juga akan membolehkan ekonomi Singapura berkembang dengan begitu pesat dan dijangka akan mewujudkan pelaburan yang besar kepada industri-industri berat

di Singapura. Ini merangkumi negara blok Barat mahupun di kalangan negara blok Timur. Kepentingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara ini khususnya di Singapura, membolehkan sistem perhubungan jalan laut akan menjadi lebih penting. Ini selaras dengan dasar Singapura yang inginkan Selat Melaka dijadikan sebagai selat antarabangsa dengan konsep *Hak Lalulintas Bebas*<sup>51</sup> sebagai pegangan mereka. Oleh itu, perimbangan kuasa di rantau ini boleh ditingkatkan untuk kepentingan bersama.

Kehadiran kuasa-kuasa besar di rantau ini adalah satu keperluan. Ini diharap dapat mengimbangkan kedudukan kuasa-kuasa asing yang mengembangkan pengaruh mereka di rantau ini, sama ada dari sudut ideologi ataupun dari sudut ketenteraan, khususnya Amerika Syarikat, Republik Rakyat China atau juga pengaruh Vietnam. S. Rajaratnam pernah menyatakan tentang perkara ini bahawa;

*"We want all great powers to be present here because we don't want to be involved in any attempt by one great power and its allies to exclude a rival. Some countries say that the Americans should not be here; others, that the Russians should not be here; yet others, that the Europeans should not be here... One day might also be a Chinese superpower presence. Though we want all powers to be present in Asia, we are closer to and feel safer with the Americans than with others. We make no bones about this. Our connections are close with America, our economic relations are with America. They can provide much more for our economic well-being, whereas Russia can give us very little. Our cultural orientation is towards the west, and we make no pretense about it"*<sup>52</sup>.

Pada tahun 1966, Singapura telah mengadakan perjanjian perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur iaitu Rusia, Bulgaria, Poland, Hungary dan Romania serta Korea Utara<sup>53</sup>. Ini hanya melibatkan peringkat perdagangan sahaja dan tidak melibatkan hubungan diplomatik<sup>54</sup>. Ini memperlihatkan sikap liberal Singapura dalam menangani masalah penyebaran ideologi komunis yang ditakuti di rantau blok Eropah Timur. Ekonomi yang lebih diutamakan dan bukan politik. Peranan Singapura di rantau Asia Tenggara nampak lebih nyata dengan sumbangannya dalam hal ehwal serantau. Singapura telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN, hasil daripada lawatan-lawatan yang dilakukan kepada negara-negara ASEAN sekitar tahun 1971 dan 1972. Ini menampakkan kesungguhan Singapura dalam usaha untuk mewujudkan kesatuan yang kukuh serta berusaha mencari kepentingan bersama dalam beberapa hal<sup>55</sup>.

Peristiwa pengunduran tentera British pada tahun 1971 dan peristiwa pengunduran tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Utara juga menjadi faktor kepada perubahan dasar luar Singapura ini. Lebih-lebih lagi, peristiwa ini telah digembar-gemburkan dengan propaganda *Teori Domino* akibat daripada kejatuhan Vietnam Selatan di bawah kuasa komunis. Negara-negara di Asia Tenggara berpendapat bahawa *Teori Domino* ini akan terlaksana dan seluruh negara Asia Tenggara akan berada di bawah ideologi komunisme<sup>56</sup>.

Keputusan Amerika Syarikat yang ingin berbaik kembali dengan Republik Rakyat China juga telah menyebabkan peranan Amerika

Syarikat di rantau di Asia Tenggara telah berkurangan. Oleh itu, keselamatan di rantau ini telah menimbulkan persoalan hasil daripada perubahan politik yang berlaku. Singapura melihat bahawa organisasi serantau dapat memberi potensi yang baik kepada ekonomi antarabangsa dan menjadikan Singapura sebagai pusat institusi kewangan di rantau ini. Ini membolehkan pelabur-pelabur asing terus menerus melabur dan membawa bersama teknologi baru ke dalam negara. Pada 6 Februari 1972, S. Rajaratnam telah menerangkan suatu konsep yang dikenali sebagai *Global city*. Kelahiran konsep ini adalah selaras dengan kepesatan dan kemajuan industri yang berlaku di Singapura. Konsep ini adalah berkecenderungan untuk melahirkan Singapura sebagai sebuah kuasa industri pembuatan dan industri perlancongan di rantau ini yang bukan sahaja tertumpu kepada perdagangan enterportnya sahaja. Ini akan membolehkan Singapura kekal sebagai pusat kewangan di rantau ini. S. Rajaratnam menyatakan bahawa;

*“The Global City, was a new social phenomenon; it is the child of modern technology. The global cities are linked intimately with one another... Because they are more alike they reach out to one another through the tentacles of technology. Linked together they form a chain of cities which today shape and direct in varying degrees of importance, a world-wide system of economies. Singapore was more than a regional city. We draw sustenance not only from the region but also from the international economic system to which as a Global City we belong and which will be the final arbiter of whether we prosper or decline”<sup>57</sup>.*

Kepentingan idea konsep *global city* ini bertujuan untuk menerang dan mengkaji hubungan kerjasama dengan pelabur-pelabur asing. Kerajaan Singapura merasakan bahawa keselamatan sedikit sebanyak telah berjaya diatasi. Oleh itu, penekanan harus pula diberikan kepada faktor ekonomi yang membolehkan peningkatan pendapatan negara, pertambahan pengetahuan teknikal, kemahiran pengurusan dan pentadbiran yang mantap dan stabil.

### Nota Akhir

1. Dalam merangka perkembangan negara, beberapa persefahaman telah dijalinan oleh Singapura dengan negara-negara jiran seperti Malaysia, Indonesia dan sebagainya. Beberapa kerjasama telah dijalinan bagi menikmati kepentingan - untuk maklumat lanjut lihat dalam Bab 3 : Keselamatan Nasional Singapura.
2. Lihat Wilbert E.. Moore, 1963, **Social Change**, New Jersey, Prentice Hall Inc., hal. 2.
3. Beberapa dasar dalaman telah dijalankan di sepanjang peringkat awal kemerdekaan Singapura. Kebanyakan dasar yang dilakukan ini bertujuan untuk penyatuan kaum dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu atas konsep satu *nation* - lihat maklumat lanjut dalam Bab 3 : Keselamatan Nasional Singapura.
4. Lihat *Straits Times*, 17 Disember 1964.
5. Lihat *Straits Times*, 20 Januari 1964.
6. Dipetik dari Obaid Ul Haq, "Foreign Policy" dalam Jon S.T. Quah, Chan Heng Chee dan Seah Chee Meow (eds), 1985, **Government and Politics of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, hal. 227.
7. Lihat Joseph Frankel, 1970, **National Interest**, London, Pall Mall, hal. 3.
8. Untuk maklumat lanjut tentang konsep ini lihat Sheila Harden (ed.), 1985, **Small is Dangerous**, Institute of International Studies, New York, St. Martin Press; Hans H. Indorf, 1985, **Strategies for Small State Survival**, Kuala Lumpur, Institute of Strategic and International Studies; Charles E. Marrison and Suhrke Astri, 1978, **Strategies of Survival - The Foreign Policy Dilemmas of Smaller Asian States**, Queensland, University of Queensland Press; David Vital, 1971, **The Survival of Small State : Studies in Small Power-Great Power Conflict**, London, Oxford University Press dan lihat juga Bilveer Singh, 1988, **Singapore: Foreign Policy Imperatives of A Small State**, Singapore, Heineman.



9. Lihat *Berita Harian*, 10 Ogos 1965 dan *Singapore Yearbook 1965*, hal. 13 dan 14.
10. Peristiwa *Maria Hertogh* telah menimbulkan satu rusuhan besar di Singapura kerana mahkamah Singapura yang ditadbir oleh British ketika itu, telah mengisytiharkan *Maria Hergoth* atau *Nadra* perlu diserahkan kembali kepada ibu kandungnya *Adelaine*. Faktor utama yang dikatakan berlakunya rusuhan ini ialah faktor agama.
11. Lihat C.M. Turnbull, **The History of Singapore 1819-1975**, Oxford University Press, Kuala Lumpur. 1977, hal. 293.
12. Dipetik daripada Kawin Wilairat, **Singapore's Foreign Policy : The First Decade**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 37.
13. Lihat Chan Heng Chee, **Singapore : The Politics of Survival 1965-1967**, Oxford University Press, Singapore, 1971, hal. 58-59.
14. Lihat C.M. Turnbull, **The History of Singapore 1819-1975**, *op. cit.*, hal. 293
15. Lihat P.J. Boyce, 1977, **Foreign Affairs For New States : Some Questions of Credentials**, Queensland, University of Queensland Press, hal. 227.
16. Lihat **Singapore : Facts and Figure 1966**, Singapore, A Ministry of Culture Publication, hal. 1.
17. Singapura mengamalkan konsep *Hak Lalulintas Bebas*, manakala Malaysia mengamalkan *Hak Lalulintas Damai* terhadap lalulintas di perairan Selat Melaka kepada kapal-apal pedagang asing yang melalui perairan tersebut - untuk maklumat lanjut lihat perbincangan lanjut dalam Bab 3 : Keselamatan Nasional Singapura.
18. Lihat **Defence and Foreign Affairs Handbook : 1990-1991**, London, International Media Corperation dan lihat juga Tae Yul Nam, "Singapore's One-Party System: Its Relationship To Democracy and Political Stability" dalam *Pacific Affairs*, Vol. XLII, No. 4, hal. 474.

19. Lihat *Singapore Yearbook 1969*, hal. 220
20. Ibid., hal. 221.
21. Lihat Lee Kuan Yew, "Basis of Singapore's Foreign Policy", dalam *The Mirror*, Vol. 1, No. 24, 14 Ogos 1965.
22. Lihat *The Mirror*, Vol. 1, No. 39, 29 November 1965, hal. 1-2.
23. Lihat Bilveer Singh, "Singapore's Key Domestic Goals and Aspirations for the 1990's : Convergences and Divergences", dalam Rohana Mahmood and Thangan Ramnath, 1992, **Southeast Asia : The Way Foward**, Kuala Lumpur, Institute of Strategic and International Studies, hal. 62-63.
24. Lihat Chin Kin Wah, "Singapore : Threat Perception and Defence Spending in A City State" dalam Chin Kin Wah, 1987, **Defence Spending in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 120.
25. Lihat Lau Teik Soon, "Singapore in South-East Asia" dalam Ernest C.T. Chew dan Edwin Lee (ed.), 1991, **A History of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, hal. 373-374.
26. Lihat Obaid Ul Haq, "Foreign Policy", *op. cit*, hal. 277.
27. Lihat Linda Y.C. Lim, "The Foreign Policy of Singapore" dalam David Wurfel dan Bruce Burton (ed.), 1990, **The Political Economy of Foreign Policy in Southeast Asia**, London, The Macmilland Press Ltd., hal. 127.
28. Lihat Gaetano Mosca, 1939, **The Ruling Class**, New York, McGraw Hill.
29. Lihat Obaid Ul Haq, "Foreign Policy", *op. cit*, hal. 279.

30. Idea bagi konsep berkecuali telah menjadi lebih kukuh selepas Persidangan Bandung dan ia menjadi lebih mantap lagi di Persidangan ad-Darul-Baidha yang diadakan pada 4 haribulan Februari 1961 dengan dihadiri oleh lima ketua-ketua negara Afrika, iaitu Republik Arab Bersatu, Morroca, Guinea, Ghana, dan Mali dan merupakan tarikh bermulanya sokongan padu Afrika yang merdeka terhadap konsep berkecuali. *Dasar Berkecuali* ini telah menjadi mantap dari semasa ke semasa dan telah menjadi pegangan banyak negara sewaktu diadakan persidangan di Belgrade yang diadakan pada bulan September 1961. Konsep berkecuali ini terus berkembang menjadi dasar berkecuali yang positif. Persidangan Negara-negara Berkecuali ini kemudiannya telah diadakan di Kaherah pada bulan Oktober 1964 yang telah dihadiri lebih daripada 60 buah negara.
  
31. Idea untuk mengadakan persidangan *Afro-Asia* telah wujud dalam satu persidangan yang diadakan di Colombo, Sri Lanka pada bulan April 1954. Persidangan ini telah dihadiri oleh lima ketua-ketua negara Asia, iaitu Burma, Sri Lanka, India, Pakistan dan Indonesia. Idea ini wujud atas dasar negara-negara yang dijajah harus diberi kemerdekaan untuk mentadbir negara masing-masing mengikut hak mereka. Idea ini dijalankan bertujuan untuk mempereratkan hubungan antara Asia dan Afrika bagi kepentingan bersama. Selepas daripada persidangan Colombo ini suatu ketetapan telah diambil untuk mengadakan persidangan Afro-Asia yang pertama di Badung, Indonesia pada 16 hingga 24 haribulan April 1955 yang telah dihadiri oleh para perwakilan daripada 29 buah negara, iaitu Afghanistan, Sri Lanka, Mesir, Habsyah, Gold Cost, Iran, Irag, Jordan, Lubnan, Liberia, Libya, Nepal, Pakistan, Sudan, Syria, Turki, Arab Saudi, Kemboja, China, Jepun, Laos, Filipina, Thailand Burma, Yamen, India dan Indonesia.
  
32. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore's Foreign Policy, 1965-1968" dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. X, No. 1, Mac 1969, hal. 178-179.
  
33. Ibid., hal. 179.
  
34. Untuk maklumat lanjut tentang konsep ini lihat Kawin Wilairat, "Singapore's Foreign Policy", Institute of Southeast Asia Studies, Singapore, Field Report No. 10, June 1975, hal. 35.
  
35. Lihat Lee Boon Hiok, "Constraints on Singapore's Foreign Policy" dalam *Asian Survey*, Vol. XXII, No. 6, June 1982, hal 528.

36. Dipetik daripada Obaid Ul haq, "Foreign Policy" *op. cit*, hal. 282.
37. Pembentukan sebuah *nation* boleh dilihat dengan lebih lanjut dalam Bab 3: Keselamatan Nasional Singapura.
38. Lihat ucapan Lee Kuan Yew yang dipetik daripada Obaid Ul Haq, "Foreign Policy", *op. cit*, hal. 282.
39. Lihat Charles E. Morrison and Astri Suhrke, 1978, **Strategies and Survival: The Foreign Policy Dilemmas of Smaller Asian States**, St. Lucia, University of Queensland Press, hal. 188.
40. Doktrin Guam merupakan satu rancangan Amerika untuk mengudurkan tenteranya dari Indochina.
41. Lihat kenyataan ini dalam Chan Heng Chee, 1971, **Singapore : The Political of Survival**, Singapore, Oxford University Press, hal. 41-47.
42. Dipetik dari "The Indonesia Herald" dalam Chan Heng Chee, **Singapore: The Politics of Survival 1965-1967**, hal. 35.
43. Lihat *Singapore Yearbook 1966*, hal. 11 dan *Strait Times*, 13 April 1966.
44. *Ibid.*, hal. 15.
45. Dalam tahun 1907, akhbar *Chung Hing Yat Pao* diterbitkan di Singapura untuk menyebarkan dan mendapatkan sokongan terhadap revolusi di China. Dalam tahun 1911, revolusi China meletus dan pemerintahan Manchu telah digulingkan oleh Parti Kuomintang China. Dalam tahun 1912, Parti Kuomintang Malaya berusaha memupuk semangat taat setia orang-orang Cina terhadap kerajaan China. Kesetiaan kepada pemerintah merupakan ajaran utama *Confucius*. Di kalangan masyarakat petani, kesetiaan kepada pemerintah dan bangsa juga telah diterapkan oleh kerajaan Chin - lihat Victor Purcell, 1967, **The Chinese in Malaya**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal. 11, C.F. Yong and R.B. McKenna, 1990, **The Kuomintang Movement in British Malaya 1921-1949**, Singapore, Singapore University Press, hal. 14-15, dan lihat juga Yen Ching Hwang, 1976, **The**

**Overseas Chinese and The 1911 Revolution**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal. 20 dan 201-201.

46. Lihat Lau Teik Soon, "Singapore and Its Neighbours" dalam Seah Chee Meow, **Trends in Singapore : Proceeding and Background Paper**, Institute of Southeast Asia Studies, 1975, hal. 45.
47. Dipetik daripada Charles E. Morrison and Astri Suhrke (eds.), *op. cit.*, hal. 178.
48. Dalam tahun 1928, Parti Komunis wilayah-wilayah Selatan telah dibentuk di Singapura untuk menyusun pergerakan komunis di seluruh Asia Tenggara - lihat C.F. Yong and R.B. McKenna, 1990, *op. cit.*, hal. 86 dan lihat juga Gilbert Khoo dan Dorothy Lo. 1981, **Asia Dalam Perubahan : Sejarah Tenggara, Selatan dan Timur Asia**, Kuala Lumpur, Heinemann Education Books (Asia) Ltd., hal. 967 dan untuk maklumat lanjut akan bentuk hubungan ini lihat Chin Kin Wah, "A New Phase in Singapore's Relations with China" dalam Joyce K. Kallgren, Noordin Sopiee and Soedjati Djiwandono (eds.), 1988, **ASEAN and China : An Evolution Relationship**, University of Carlifornia, Berkeley, Institute of East Asian Studies, hal. 274.
49. Untuk maklumat lanjut akan konsep ini lihat Edgar M. Bottome, 1971, **The Balance of Terror : A Guide To Arms Race**, Boston, Beacon Press, hal. 1.
50. Dipetik daripada Chan Heng Chee and Obaid Ul Haq (eds.), 1987, **The Prophetic and The Political : Selected Speeches and Writings of S. Rajaratnam**, Singapore, Graham Brash, hal. 291-294.
51. Lihat konsep ini dengan lebih lanjut dalam Bab 5 : Dasar Keselamatan Singapura.
52. Lihat Chan Heng Chee and Obaid Ul Haq (eds.), *op. cit.*, hal. 493.
53. Lihat *Singapore Yearbook 1966*, hal. 20.

54. Lihat Lau Teik Soon, "Malaysia-Singapore Relations : Crisis of Adjustment 1965-1968" dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol 10, No. 1, March 1969, hal. 172.
55. Lihat Lau Teik Soon, "Singapore in South-East Asia" dalam Ernest C.T. Chew and Edwin Lee (ed.), 1991, **A History of Singapore**, Singapore, Oxford university Press, hal. 377.
56. *Teori Domino* pada asalnya muncul atas kebimbangan Hull dan Welles akibat daripada kemasukan dan meningkatnya pengaruh Jepun di Indochina semasa di bawah jajahan Perancis pada tahun 1940-1941. Jepun dikatakan akan mengadakan strategi untuk mengusir keluar tiga rangkaian kuasa asing, iaitu Amerika, British dan Belanda dan ditakuti akan mewujudkan pengkalan ketenteraan di Cochin, China daripada mengadakannya di Hainan - lihat maklumat lanjut dalam George K. Osborn III, "ASEAN Security : Dominoes Revisited" dalam *Southeast Asian Affairs*, 1978, Singapore, ISEAS, hal. 56-57.
57. Dipetik daripada Chan Heng Chee and Obaid Ul haq (eds.), *op. cit.*, hal. 226.